

BULETIN MPKU

Perbandaran Cemerlang Sejahtera Semua

EDARAN PERCUMA | www.mpkulai.gov.my



5 PETANG

SECARA

LIVE

DI PLATFORM MEDIA DIGITAL JOHOR



JOHOR
YOUTH
Meetup

JOHOR YOUTH MEET UP

BY ORANG MUDA JOHOR
(OMJ) 2024

PELANCARAN BUKU PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI

IOACPI
2024-2028
MPKU

MEH
DENG
JAP

EDISI

2

2024



Imbas Kod untuk
Terbitan Digital



**Menarik
di dalam...**

MAJLIS PELANTIKAN DAN
ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS
MPKU 2024/2025

KARNIVAL E-SPORT
20 TAHUN
PERBANDARAN KULAI

MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM JALAN ANGKAT (PJA)
JOHOR BERSIH

Pelancaran

PELAN
ANTI-RASUAH
ORGANISASI



ISI Kandungan



- 3** MAJLIS PELANTIKAN dan Angkat Sumpah Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulai Sesi 2024/2025
- 4** MAJLIS TADARUS dan Khatam al-Quran Peringkat Majlis Perbandaran Kulai
- 5** MAJLIS BERBUKA PUASA Bersama Anak-anak Yatim dan Penyampaian Duit Raya Aidilfitri
- 6** KARNIVAL E-SPORT 20 Tahun Perbandaran Kulai
- 7** KARNIVAL BASIKAL KULAI
- 8** MAJLIS APRESIASI Jasamu Dikenang, Bakti Disanjung
- 9** LAWATAN TAPAK Hotspot Banjir
- 10** LAWATAN KERJA Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- 11** - OPERASI BERSEPADU KILANG yang Menyebabkan Pencemaran
- BENGKEL PENYELARASAN Cadangan Penubuhan Unit Bandar Pintar, Ibrahim Technopolis (IBTEC) MPKu
- 12** JOHOR YOUTH MEET UP by Orang Muda Johor (OMJ) 2024
- 13** PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA MPKu 2024 & Sumbangan Aidiladha kepada Anak Yatim Daerah Kulai
- 14** MAJLIS PELANCARAN PROGRAM JALAN ANGKAT (PJA) Johor Bersih & Gotong Royong Basmi Aedes
- 15** MESYUARAT PENUH Bil. 6/2024 & Pelancaran Buku Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) 2024-2028 MPKu



PENGHARGAAN BULETIN



TUAN HAJI MOHD FAHMI BIN SALAM
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI



TUAN AZMEE BIN AWANG
SETIAUSAHA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulai.
Warga Kerja Jabatan-Jabatan, Majlis Perbandaran Kulai
dan Seluruh Warga Perbandaran Kulai
serta Pihak-Pihak Pemegang Taruh, Majlis Perbandaran Kulai.

Diterbitkan Oleh:
Pengurusan Korporat,
Seksyen Media dan Rangkaian,
Unit Korporat & Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kulai.



Majlis Pelantikan & Angkat Sumpah AHLI MAJLIS Majlis Perbandaran Kulai 2024/2025



Dewan Persidangan,
Majlis Perbandaran Kulai



MAJLIS Pelantikan dan Angkat Sumpah Ahli Majlis yang baharu bagi sesi 2024/2025 telah diadakan di Dewan Persidangan, Aras 1, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) pada hari ini di hadapan YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi Bin Salam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai. Pelantikan Ahli Majlis ini selaras dengan Seksyen 10(1) dan Seksyen 10(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang memperuntukan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk melantik Ahli-ahli Majlis bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun. Diharapkan dengan pelantikan ini, segala perancangan pembangunan dan pentadbiran pada tahun ini dapat dilaksanakan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya golongan pembayar-pembayar cukai dalam daerah Kulai. 🏠





Majlis Tadris dan Khutbah Al-Quran PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI



Surau Ibnu Mahktum,
Majlis Perbandaran Kulai





Majlis Berbuka Puasa



BERSAMA ANAK-ANAK YATIM & PENYAMPAIAN DUIT RAYA AIDILFITRI

MAJLIS berbuka puasa bersama anak yatim Islam Kulai dan penyampaian duit raya sempena kedatangan Aidilfitri telah diadakan dengan jayanya oleh MPKu dengan kerjasama Jawatankuasa Pertubuhan Kebajikan & Perlindungan Anak Yatim Islam Kulai (PKPAYIK). Penyampaian duit raya ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua MPKu; dan diiringi Encik Fadil Bin Misnan, Ketua WHIP MPKu.

Turut hadir bersama Yang Berusaha En. Md Rozamusliadi Bin Roslan, Pengerusi Penaja PKPAYIK; Encik Azmee Bin Awang, Setiausaha MPKu; jemputan Ahli Majlis Sesi 2022/23, dan Penasihat serta AJK Penaja yang diketuai Tuan Haji Yusof Omar, merangkap Pengerusi Masjid Jamek Bandar Kulai.

Majlis berbuka ini turut diisi dengan tazkirah kemuliaan Ramadan serta kasih sayang silaturahim dermawan kepada anak-anak yatim yang dijemput untuk menerima bantuan duit raya bagi menyerikan lagi kehadiran lebaran anak-anak bersama waris penjaga mereka. Didoakan semoga beroleh rahmat semua diatas semua penyertaan pada majlis ini amnya, dan khasnya juga kepada para-penderma yang turut menyumbang dalam menjayakan majlis ini. ✈



KARNIVAL e-sports 20 TAHUN PERBANDARAN KULAI



Dewan Kulai,
Kg. Melayu

HARI ini telah berlangsungnya Karnival E-Sports 20 Tahun Perbandaran Kulai yang melibatkan pertandingan PUBG, PS5 (FC24) perseorangan dan PS5 (FC24) beregu. Karnival ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai. Turut hadir, Encik Mohd Fadil bin Misnan, Ketua Whip Majlis Perbandaran Kulai; Encik Mohd Asnawi bin Amat Jupri, Penolong Pegawai Daerah Kulai (Fizikal); Tuan Haji Nazlei bin Abdul Razak, Ahli Majlis Zon Kg. Melayu; Dato' Mohd Nizam bin Abdul Razak, Pengerusi Kelab Kakitangan MPKu; En. Kamal Ariffin Othman, Pengurus Telekom Kulai; Ketua-Ketua Jabatan MPKu dan Jabatan-Jabatan Daerah Kulai. Karnival yang julung kali diadakan ini adalah bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-20 Perbandaran Kulai.

Juara setiap kategori ini layak mewakili E-Sports Daerah Kulai ke Festival Sukan Jabatan dan Agensi Negeri Johor, yang akan diadakan pada bulan Mei nanti. Dianggarkan hampir 50 penyertaan kakitangan awam, mewakili agensi dan jabatan daerah Kulai, telah menyertainya. Berikut merupakan senarai pemenang setiap kategori pertandingan.



PS5 (FC24): 1 vs 1

1. Zarul Fitri (Telekom Malaysia)
2. Faez Zailani (MPKu)
3. Mohamad Nizam (Pejabat Daerah Kulai)

PS5 (FC24): 2 vs 2

1. Muhamad Hariz & Zulhilmi (MPKu)
2. Muhamad Sufian & Md Yusree (MPKu)
3. Akmal Haikal & Faruq Iman (Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKu)

PUBG MOBILE

1. Balai Bomba & Penyelamat Daerah Kulai
2. SK LKTP Bukit Batu X SK Putra UTAMA
3. Jabatan Teknologi Maklumat

Tahniah dan syabas diucapkan. 🏆





KARNIVAL BASIKAL KULAI



Kulai Cycling Park

SEMPENA Sambutan Ulang Tahun ke-20 MPKu, Karnival Berbasikal Kulai telah dianjurkan. Program ini telah dianjurkan oleh MPKu dengan kerjasama Pejabat Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, dan Persatuan Berbasikal Kulai. Majlis dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni Bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program ini mendapat sambutan sekurang-kurangnya 1,000 penyertaan dan akan menjadi salah satu program tahunan di Kulai.

Lokasi program, iaitu Kulai Cycling Park, dibina dan dinaiktaraf di bawah kelulusan peruntukkan YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, berjumlah RM800,000 pada 2023 (membina infra jalan dan utiliti, BMX Cycling Park dan Dataran) dan RM500,000 pada 2024 (membina skate park, tandas, mini bar gym, tapak penjaja dan gerbang). Kulai Cycling Park dijangka akan menjadi salah satu hub sukan dan tarikan pelancongan baru di Daerah Kulai.

Antara aktiviti lain yang telah berlangsung adalah *funride*, *pushbike*, *mountain bike rave*, *criterium race*, *BMX Race* & *BMX Oldschool Bike Show* yang melibatkan semua peringkat umur. Acara ini telah berlangsung sehingga jam 11.00 malam. Mari semua amalkan gaya hidup sihat & sentiasa aktif dengan bersukan. ➤



MAJLIS APRESIASI

Jasamu Dikenang, Bakti Di Sanjung

AHLI-AHLI MAJLIS SESI 2022/2023
DAN PESARA



Thistle,
Johor Bahru



SATU majlis bagi meraikan persaraan Encik Adib Reeza bin Osman, mantan ketua Jabatan Kesihatan Awam Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), dan Ahli-ahli Majlis MPKu bagi sesi 2022/20233 telah diadakan di Hotel Thistle, Johor Bahru. Encik Adib Reeza telah bersara secara pilihan pada 30 April 2024 manakala Ahli-ahli Majlis Sesi 2023/2024 tamat pada hari ini.

Majlis dihadiri oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua MPKu; En. Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu; Encik Mohd Fadil bin Misnan, Ketua WHIP MPKu; Ahli-ahli Majlis, dan Ketua-ketua Jabatan MPKu.

Warga kerja MPKu merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih buat Encik Adib Rezza bin Osman yang telah berkhidmat selama 18 tahun. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada barisan Ahli Majlis Sesi 2022/2023 yang telah berkhidmat dengan penuh ikhlas bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan serta memberikan komitmen yang baik sepanjang tempoh dua tahun dalam membantu MPKu khususnya menjadi penghubung antara pihak PBT dan rakyat. *Jasamu tetap dikenang.*





LAWATAN TAPAK KAWASAN

Hotspot Banjir

LANJUTAN daripada arahan kerajaan negeri dan YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, agar isu berkaitan *hotspot* banjir ditangani oleh Pihak Berkuasa Tempatan, sesi pemantauan kawasan risiko banjir diteruskan oleh MPKu dan tertumpu ke arah beberapa kawasan *hotspot* yang masih berlakunya banjir kilat sejak kebelakangan ini.

Turut serta mewakili agensi teknikal adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), SWCorp, Safwa Global, dan pemaju-pemaju berkaitan. ✈

Jalan Idaman Utama,
Taman Desa Idaman, Senai



Jalan Persiaran Indahpura 4



Lawatan Kerja MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



Pejabat, MPKu

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Majlis Perbandaran Kulai (MPKu). Rombongan diketuai oleh Pengarah Jabatan Penilaian dan Pembangunan Hartanah (JPPH) MPAJ, Tuan Sr. Khairulazmi Bin Abdul Rahman bersama 11 orang pegawai. Lawatan ini diadakan bagi menimba ilmu mengenai Pengurusan Bantahan Penilaian Semula yang telah dilaksanakan di MPKu.

Delegasi MPAJ disambut oleh Yang Dipertua MPKu, YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, bersama-sama Puan Sr. Ba'izah Binti Burhan, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) MPKu, dan Sr. Shamsul Amri Bin Md Jahid, Pegawai Penilaian MPKu berserta beberapa kakitangan JPPH MPKu.

MPKu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada delegasi MPAJ kerana sudi hadir ke MPKu bagi mempelajari proses Pengurusan Bantahan Penilaian Semula. Selamat maju jaya diucapkan kepada MPAJ yang kini dalam proses mengimpilikasikan Bantahan Penilaian Semula di mana Senarai Nilai Baru Pegangan Berkadar MPAJ akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2025. ✈





OPERASI BERSEPADU KILANG YANG MENYEBABKAN PENCEMARAN



MEI 26.05 2024

BENGKEL PENYELARASAN CADANGAN PENUBUHAN UNIT BANDAR PINTAR IBRAHIM TECHNOPOLIS (IBTEC) DI MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)



PODCAST "MEH DENGGO JAP.
ISTIMEWA BERSAMA

DYAM TUNKU MAHKOTA ISMAIL PEMANGKU SULTAN JOHOR

PADA
AHAD (9 JUN 2024) | 3 PETANG

SECARA

((•)) LIVE

DI PLATFORM MEDIA DIGITAL JOHOR



Program

JOHOR YOUTH MEET UP BY ORANG MUDA JOHOR (OMJ) 2024



ISKANDAR
PUTERI



SATU lagi inisiatif dari Kerajaan Negeri Johor dalam memperkasakan golongan belia di negeri Johor. Dengan penganjuran program seperti ini, yang menghimpunkan aspirasi Orang Muda Johor (OMJ), ia memberi ruang kepada golongan muda mengetengahkan idea, peluang kerjaya dan mempamerkan kemahiran serta bakat yang mereka ada.

Johor Youth Meet Up by OMJ ini cukup istimewa, kerana DYAM Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor, sudi mencemar duli dengan penampilan Baginda Tunku di dalam podcast 'Meh Denggo Jap' (MDJ) yang bersiaran secara langsung. Majlis Perbandaran Kulai bersama Southern Volunteers Kulai turut hadir untuk memberi sokongan kepada program ini.

Setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas penganjuran program ini yang dilihat berjaya mendapat sambutan baik daripada Orang Muda Johor (OMJ). ↗





Blok B, MPKu

PROGRAM IBADAH KORBAN PERDANA PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KULAI 2024 dan SUMBANGAN AIDILADHA KEPADA ANAK YATIM DAERAH KULAI





MAJLIS PELANCARAN PROGRAM JALAN ANGKAT (PJA) JOHOR BERSIH & GOTONG ROYONG BASMI AEDES PERINGKAT DAERAH KULAI



Taman Putri,
Kulai

BAGI menyantuni amanat YAB Menteri Besar Johor dalam merealisasikan matlamat Johor Bersih, Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah melaksanakan inisiatif Program Jalan Angkat (PJA) yang meliputi kawasan-kawasan di daerah Kulai. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua MPKu.

Program ini melibatkan 150 peserta, merangkumi 30 agensi kerajaan dan swasta, meliputi 13 lokasi (*checkpoint*) dengan jarak keseluruhan 13 km. Kerja pembersihan akan dijalankan pada setiap hari Ahad minggu pertama setiap bulan.

Diharap inisiatif ini dapat membantu kerajaan, khususnya menerusi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di dalam membendung penyebaran nyamuk aedes, sekaligus membendung penularan wabak demam denggi di kawasan-kawasan hotspot yang telah dikenalpasti. Mari kita bersama-sama menjaga kebersihan kawasan tempat tinggal kita khususnya, dan daerah Kulai, amnya. "Kebersihan adalah tanggungjawab kita bersama".





MESYUARAT PENUH BIL.6/2024 & Pelancaran Buku PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI (OACP) 2024-2028 MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Dewan Persidangan,
Majlis Perbandaran Kulai



PADA tarikh ini, telah berlangsungnya pelancaran Buku Pelan Tindakan Anti-Rasuah 2024-2028 Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua MPKu.

Buku Pelan Anti-Rasuah MPKu merupakan pelan pertama yang dilaksanakan dengan keutamaan mencapai matlamat pembangunan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah serta menyediakan perkhidmatan dan penguatkuasaan yang telus, cekap dan efisien. Pelan ini merupakan panduan kepada kakitangan MMPKu dan pihak berkepentingan dalam usaha untuk memastikan pengurusan pentadbiran kerajaan bebas daripada amalan rasuah.

Turut hadir sama adalah Ketua-ketua Jabatan Daerah, Ex-Officio Daerah Kulai dan barisan Ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MPKu.





TRANS QJM GUNUNG PULAI ULTRA 2024



www.mpkulai.gov.my



[mpku_official](#)



019 758 2828



[Majlis Perbandaran Kulai](#)



[mpkulai](#)



[Kulai TV](#)



mpku@johor.gov.my
aduan.mpkulai@johor.gov.my